

27 AUG 1999

CUEPACS SAMBUT BAIK ITM NAIK TARAF

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) hari ini menyambut baik langkah kerajaan menaikkan taraf Institut Teknologi MARA (ITM) kepada sebuah universiti.

Presiden CUEPACS N. Siva Subramaniam berkata keputusan itu sejajar dengan peranan cemerlang yang disumbangkan oleh ITM selama ini.

"ITM telah membangunkan pendidikan di kalangan Bumiputera terutama Bumiputera luar bandar," katanya.

Langkah kerajaan mengubah taraf ITM itu diyakini dapat merangsang lebih ramai lagi penuntut Bumiputera merebut peluang yang disediakan.

Semalam ketika menghadiri Perhimpunan Bersama Pelajar ITM Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan taraf ITM kepada sebuah universiti dan namanya diubah kepada Universiti Teknologi MARA.

Pengumuman itu menamatkan penantian pelajar dan tenaga pengajar ITM yang telah lama berjuang agar taraf ITM dinaikkan sejajar dengan peranannya dalam sektor pendidikan negara.

-- BERNAMA

JAY LAT